

Headline	Tiada diskriminasi dapat rawatan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	19 Oct 2015	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	10	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	289 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,481
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,443



Tiada diskriminasi dapat rawatan

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan tidak mendiskriminasi mana-mana pihak yang ingin mendapatkan rawatan atau perkhidmatan kesihatan termasuk pengguna dadah dan penghidap HIV/AIDS, kata Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman.

"Menjadi komitmen kementerian dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan, tiada sebarang sekatan. Kita tidak membezakan mereka, mereka boleh datang bila-bila masa di mana sahaja untuk mendapatkan perkhidmatan kita," katanya kepada pemberita pada Persidangan Pengurangan Kemudahan Antarabangsa Ke-24 di sini semalam.

Persidangan merupakan anjuran bersama Harm Reduction International (HRI) dan Majlis Aids Malaysia.

Beliau berkata orang ramai terutama golongan yang terlibat dengan dadah dan penyakit HIV/AIDS tiak perlu merasa takut terhadap stigma masyarakat terhadap mereka sebaliknya perlu memberi perhatian untuk menjalani pemeriksaan dan mendapatkan rawatan.

"Bukan menjadi amalan kementerian untuk mengambil tahu atau bertanya sebarang aktiviti atau gaya hidup pesakit jika mereka datang mendapatkan perkhidmatan kesihatan," katanya. Dr Lokman Hakim berkata kementerian tersebut akan meneruskan peruntukan untuk

Program Pengurangan Kemudahan Kebangsaan (HRP) dalam usaha mengurangkan kemudahan yang berkait rapat dengan penggunaan dadah yang psikoaktif.

Program HRP di Malaysia merangkumi dua bahagian iaitu Program Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan (NSEP) dan Terapi Gantian Metadone (MMT).

Persidangan empat hari yang bermula hari ini melibatkan kira-kira 1,000 peserta termasuk saintis, ahli politik, pekerja kebajikan, doktor dan aktivis dalam bidang berkaitan.

Persidangan sebelum ini diadakan di Vilnius, Lithuania pada tahun 2013; Beirut, Lebanon (2011) dan Liverpool, United Kingdom (2010). - Bernama



CERIA... Pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) (daril kiri) Muhd Shahrol Shahmim Syahril, Shatishwaran Manimaran, Tan Zhenqyou dan Abdul Aziz Md Noor kelihatan ceria semasa menikmati hidangan makan tengah hari pada hari kedua Projek Rintis Tranformasi PLKN di Kem PLKN Princess Haliza di Shah Alam semalam. - Bernama